



KENYATAAN MEDIA

UniMAP JUARA KASKAIFT 2019

Nilai, 30 Oktober - Kontinjen Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengungguli carta kejuaraan keseluruhan di Karnival Sukan Kakitangan Akademik Institut Pengajian Tinggi (KASKAIFT) 2019 yang berlangsung di Universiti Islam Sains Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

UniMAP beraksi cemerlang menerusi pasukan bola sepak dan bola jaring apabila menjadi johan manakala catur serta ping pong masing-masing berjaya meraih tempat ketiga.

Ketua Kontinjen UniMAP, Suhizaz Sudin berkata kejayaan kesemua sukan yang dipertandingkan itu membolehkan UniMAP menjadi juara keseluruhan pada karnival yang julung kali dianjurkan itu.

Katanya, UniMAP perlu bersaing dengan empat Universiti Awam (UA) lain iaitu USIM, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

“Lebih membanggakan pasukan bola sepak UniMAP berjaya ke peringkat akhir bertemu tuan rumah selepas mengekalkan kemenangan tanpa bolos berturut-turut dengan pasukan UPNM, USIM, UPM dan UMK, “katanya.

Tambah beliau kejayaan pertama kontinjen yang terdiri daripada 40 staf akademik dan pegawai di karnival edisi pertama itu akan cuba dikekalkan pada masa akan datang.

“Kita percaya pasti lebih banyak UA akan menyertai di karnival akan datang dan kontinjen UniMAP harus bersiap sedia menghadapi lebih banyak persaingan untuk terus kekal sebagai juara, “ katanya yang juga Pengarah Pusat Sukan UniMAP.